



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
31 Mac 2020

1. Pada hari ini, Selasa, 06 Syaaban 1441 bersamaan 31 Mac 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **2 kes baru** yang telah disahkan COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini ialah 129 orang.**

- Kes 128 berumur 36 tahun adalah isteri kepada Kes 111. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah mula mengalami sakit kepala dan selsema pada 27 Mac 2020.
- Kes 129 berumur 25 tahun telah pulang dari Phuket, Thailand pada 20 Mac 2020 dengan menaiki pesawat BI520 (tempat duduk 33H). Beliau telah mula mengalami demam panas pada 30 Mac 2020.

2. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, pada hari ini **7 lagi kes** yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 45 orang.** Ini bermakna terdapat 83 kes yang sedang dirawat di Pusat berkenaan.

Daripada jumlah tersebut, 3 orang masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di Pusat tersebut di mana salah seorang daripadanya sekarang memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)*. Sementara itu, seorang lagi masih di dalam pemantauan rapi dan selebihnya dalam keadaan yang baik.

3. Kementerian Kesihatan juga ingin mengongsikan, pada masa ini, seramai 854 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 1,424 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 6,421 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan, yang membawa kepada nisbah 1 orang dalam 67 penduduk negara ini telah dibuat pemeriksaan.
4. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 06 Syaaban 1441H / 31 Mac 2020